



YAYASAN ISLAM KELANTAN

KENYATAAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor - kontraktor tempatan yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) / CIDB dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (Taraf Bumiputera) untuk menyertai tawaran seperti berikut:-

CADANGAN MEROBOH DAN MEMBINA 1 BLOK BANGUNAN 3 TINGKAT YANG MENGANDUNGI RUANG TERBUKA DI TINGKAT BAWAH DAN 8 UNIT BILIK DARJAH DI TINGKAT 1 DAN 2, DI ATAS LOT 1027, BUNGA TANJUNG, KUALA BALAH, JELI, KELANTAN

NO TENDER	TARAF / SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH, TEMPAT TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK	TARIKH, TEMPAT PENJUALAN & HARGA DOKUMEN TENDER	TARIKH TUTUP TENDER
YIK/TEN/ 01/26	<ul style="list-style-type: none">➤ Taraf Bumiputera➤ CIDB Gred G4➤ Kategori : B/CE➤ Pengkhususan : B04 & CE01➤ Sijil Perolehan Kerja kerajaan (SPKK)➤ Mempunyai Perakuan Pendaftaran (PKK) dengan CIDB➤ Sijil Taraf Bumiputera dengan PKK	<p>7/1/2026 (Rabu)</p> <p>Pendaftaran: 11.00 pagi Hingga 12.00 tengah hari</p> <p>Taklimat Tender: 12.00 tengah hari</p> <p>Tempat:</p>  <p>Maahad Raudhah An-Nazirin, Jerimbong, Jeli, Kelantan</p>	<p>8/1/2026 Hingga 27/1/2026</p> <p>Tempat: Unit Pembangunan, Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan, Peti Surat 248, Lebuhraya Tunjung - Pasir Mas, 16010 Kota Bharu, Kelantan</p> <p>Harga Dokumen: RM400.00 (Tidak akan dikembalikan)</p>	<p>28/1/2026</p> <p>Sebelum atau pada jam 12.00 tengahari</p>

***Hanya Syarikat/ Kontraktor Gred G4 sahaja dibenarkan untuk menyertai tender ini. Kebenaran Khas Tidak Dibenarkan.**

***Syarikat/Kontraktor yang hadir selepas tamat tempoh masa pendaftaran adalah tidak layak untuk menyertai tender ini.**

***Sila bawa cop syarikat semasa membeli dokumen tender.**

2. Kontraktor hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan semasa menghadiri sesi taklimat tender :-
 - i. Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB
 - ii. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK) oleh CIDB
 - iii. Sijil Taraf Bumiputera dengan PKK

Satu salinan fotostat **Sijil-sijil Asal** bagi dokumen di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan Yayasan Islam Kelantan. Yayasan Islam Kelantan berhak menolak permohonan yang pada tanggapan Yayasan Islam Kelantan tidak layak.

3. **Kontraktor yang berminat diwajibkan hadir taklimat tender seperti alamat di atas dan Wakil Syarikat adalah tidak dibenarkan untuk menghadiri taklimat tender.** Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan sahaja untuk menghadiri dan mengisi borang lawatan tapak dengan mengemukakan **Kad Pengenalan, Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) oleh CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK) oleh CIDB dan Sijil Taraf Bumiputera dengan PKK** untuk pengesahan.
4. Hanya kontraktor yang menghadiri taklimat tender sahaja dibenarkan membeli dokumen tender. Jika didapati ada syarikat yang tidak menghadiri taklimat tender tetapi membeli dokumen tender, pihak Yayasan Islam Kelantan berhak menolak permohonan tersebut. Dokumen tender boleh didapati pada waktu pejabat mulai **8 Januari 2026** dengan menggunakan **Deraf Bank** atas nama **"PENGARAH YAYASAN ISLAM KELANTAN"** sebagaimana waktu yang berikut:

Ahad hingga Rabu	-	8.30 pagi hingga 4.30 petang
Khamis	-	8.30 pagi hingga 1.00 petang
5. **Semua kos berkaitan dengan Tawaran Tender Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab kontraktor.**
6. **Yayasan Islam Kelantan** tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. **Yayasan Islam Kelantan** berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
7. Dokumen meja tender disediakan untuk semakan di Unit Pembangunan, Kompleks Pentadbiran Yayasan Islam Kelantan, Peti Surat 248, Lebuhraya Tunjung - Pasir Mas, 16010 Kota Bharu, Kelantan pada waktu pejabat sehingga tarikh tender dijadualkan tutup.
8. Dokumen tender yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Tender** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Tender** seperti alamat di bawah :

**UNIT PEMBANGUNAN
YAYASAN ISLAM KELANTAN
PETI SURAT 248, LEBUHRAYA TUNJUNG - PASIR MAS, 16010 KOTA BHARU, KELANTAN**

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12.00 tengah hari.

9. Dokumen tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tender tidak akan diterima dan ditolak.